



SYARAT-SYARAT PULANGAN BALIK / REMISI

Pemohon hendaklah menghantar surat permohonan mengenai kekosongan sesuatu bangunan / flat dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari mulanya tempoh Pulangan Balik / Remisi dituntut dengan syarat :-

SYARAT-SYARAT REMISI :

1. Tiada pulangan balik bagi bangunan kosong untuk tujuan jualan atau lain-lain tujuan selain daripada **SEWAAN** (pemaju/persendirian).
2. Bangunan telah **kosong** untuk tempoh sekurang-kurangnya **1 bulan** bagi ½ tahun pertama / kedua.
3. Jika bangunan berkenaan **telah diduduki semula** sebelum tuntutan Remisi dibuat, pemohon mestilah memberitahu kepada Majlis dalam **tempoh 15 hari** dari tarikh mula bangunan berkenaan diduduki.
4. Sebarang tuntutan oleh pemilik hendaklah disertakan BUKTI yang memuaskan bagi perkara-perkara berikut :
 - 4.1 Bangunan dalam keadaan baik dan layak diduduki.
 - 4.2 Usaha mendapatkan penyewaan.
(papan iklan atau salinan iklan di media sosial atau banting atau keratan akhbar atau perlantikan ejen hartanah berdaftar)
 - 4.3 Sewa yang munasabah.
 - 4.4 Bangunan tersebut benar-benar kosong mengikut tempoh yang dituntut.
 - 4.5 Gambar premis.
 - 4.6 Salinan resit pembayaran Cukai Taksiran yang terkini.
5. Ruang lantai **tidak kurang** daripada **1000 kaki persegi** pada **tingkat yang sama** sesuatu bangunan yang boleh disewakan sebagai suatu **pejabat, kedai, kilang, gudang** atau lain-lain kegunaan seumpamanya.
6. Pemohon mesti **menjelaskan bayaran cukai harta** bagi bangunan tersebut dalam tempoh ½ tahun yang mana permohonan Pulangan Balik / Remisi dituntut.
7. Menjelaskan bayaran proses bagi setiap permohonan Remisi sebagaimana berikut :

Bil.	Kategori	Bayaran Proses
1	Rumah Kos Tinggi	RM 10.00
2	Kedai Pejabat / Komersial	RM100.00
3	Kilang	RM150.00

* Salinan resit bayaran hendaklah dihantar ke pejabat Jabatan Penilaian.

8. Pemohon hendaklah **membuat tuntutan** secara bertulis **tidak lewat dari 1 bulan selepas setengah tahun yang berkenaan** iaitu:
 - 8.1 Pada @ sebelum 31 Januari untuk tuntutan penggal kedua
 - 8.2 Pada @ sebelum 31 Julai untuk tuntutan penggal pertama

.....
.....
.....
.....

Tarikh :

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru
(u/p : Jabatan Penilaian)

Tuan,

Per: **NOTIS KEKOSONGAN BANGUNAN**
SEKSYEN 162 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Merujuk perkara di atas.

2. Adalah saya dengan segala hormatnya memaklumkan kepada Majlis bahawa bangunan No. _____ Jalan _____ Lot No. _____ Mukim _____, Johor Bahru adalah kosong / tidak diduduki mulai _____. Notis ini saya kemukakan bertujuan untuk membuat remisi cukai harta atas harta berkenaan.

3. Sekiranya bangunan tersebut atau sebahagian daripadanya telah disewakan, saya akan memaklumkan kepada pihak Majlis dalam tempoh lima belas (15) hari.
Semoga makluman saya ini dapat perhatian seterusnya pertimbangan dari pihak Majlis.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
()

No. telefon (R) :
(o) :